



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/33/31 Jld. 2 (19)
Tarikh : 23 April 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEMANDU KENDERAAN GRED H14 KE GRED H16 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Pemandu Kenderaan Gred H16** dan tawaran ini terbuka kepada Pemandu Kenderaan Gred H14 yang sedang memangku Gred H16 mulai **15.8.2023**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred H16 melebihi 6 bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** (seperti dilampirkan) : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2024** : 1 salinan



4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred H16, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ke Gred H16 ini adalah pada **27 Mei 2024 (Isnin)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :-

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Hafiza binti Abu Bakar)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan tindakan tatatertib bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) telah selesai dilaksanakan.** Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan ke
semua Bahagian/ Jabatan di
IPKKM
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia
- Pengurus
National Institute of Health (NIH)

**SENARAI NAMA YANG TELIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PEMANDU KENDERAAN GRED H14 KE GRED H16
TARIKH MEMANGKU : 15 OGOS 2023**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN
1	HUSSIN BIN ISMAIL	JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK
2	ZAILANI BIN YUNUS	JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

DISAHKAN OLEH :

NAMA :

JAWATAN :


HAFIZA BINTI ABU BAKAR
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

22/4/2024

TARIKH :